

Pragmatis USIM daki Bukit Broga persediaan tawan Gunung Kinabalu

SEREMBAN 4 Mac - Seramai 30 ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Pragmatis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai kembara mendaki Bukit Broga dekat Semenyih, Selangor baru-baru ini.

Menurut Exco Sukan dan Rekreasi Pragmatis, Mohd. Fauzi Amirudin, program tersebut bertujuan menggalakkan ahli menyertai aktiviti sihat selain menikmati keindahan flora dan fauna.

"Kita menyahut cabaran universiti untuk membawa bendera USIM ke puncak Gunung Kinabalu dan pendakian ke Bukit Broga ini merupakan pendedahan serta latihan awal kepada ahli.

"Ketahanan fizikal, stamina, mental dan kerja berpasukan akan lebih teruji di sana nanti dan pendakian bukit ini adalah satu bentuk latihan awal yang berkesan," ka-

tanya di sini.

Program itu turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali.

Mohd. Fauzi berkata, pendakian ke Bukit Broga yang bermula 6.30 pagi telah menyaksikan kumpulan terbabit tiba ke puncak dalam tempoh satu jam.

"Bukit Broga setinggi 400 meter dari aras laut ini tidak pernah sunyi dengan kehadiran para pengunjung dari dalam dan luar negara terutama pada cuti hujung minggu.

"Selepas ini, sasaran kita adalah untuk mendaki Gunung Datuk di Rembau dan akan disusuli beberapa gunung lain di negara ini sebagai persediaan sebelum memulakan misi menawan Gunung Kinabalu," katanya.

SEBAHAGIAN daripada 30 ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Universiti Sains Islam Malaysia berjaya menawan puncak Bukit Broga di Semenyih, Selangor, baru-baru ini.

